

Terima perubahan era globalisasi: TPM

Rakyat diminta lebih progresif, liberal dari segi pemikiran.

**Pilihan raya kecil
DUN Machap**

Oleh Azman Zakaria
dan Badrul Hizar Ab Jabar

ALOR GAJAH: Datuk Seri Najib Razak berkata, rakyat perlu sanggup menerima perubahan era globalisasi yang bergerak semakin pantas supaya membangun seiring status Malaysia yang kini menuju negara maju.

Timbalan Perdana Menteri berkata, zaman sekarang menuntut rakyat menjadi lebih progresif dan liberal dari segi pemikiran kerana ia akan memastikan mereka tidak ketinggalan zaman.

Beliau berkata, perubahan yang perlu dilakukan rakyat amat penting disandarkan kepada kekuatan dalam negara berasaskan kepada kerajaan yang sentiasa prihatin, adil, saksama serta mengamalkan dasar progresif.

Katanya, Malaysia menerusi pimpinan kerajaan Barisan Nasional (BN) sentiasa progresif dan kini muncul sebagai negara paling pesat kemajuannya di kalangan ekonomi membangun meskipun miskin 50 tahun lalu.


"Tiada negara lain yang mempunyai ciri rakyat berbilang budaya, agama dan pelbagai latar belakang seperti Malaysia dapat hidup damai serta harmoni.

"Cantiknya warisan kita ialah perpaduan kukuh. Pada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Batu Talam kita sokong calon Umno, di Machap calon MCA dan di Ijok nanti, calon MIC pula.

"Warisan ini mesti dijaga dan dipertahan. Dalam pilihan raya kecil DUN Machap ini, kita nak beritahu dunia bahawa Malaysia terus progresif di bawah BN," katanya berucap pada majlis meletak batu asas Dewan Serba Guna Machap Umboo, semalam.

Beliau meluluskan peruntukan RM200,000 untuk melengkapkan kemudahan dewan itu sebagai tambahan kepada peruntukan asal RM1 juta bagi pembinaannya.

Hadir sama, Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohd Ali Rustam; Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Dr Fong Chan Onn dan calon BN



RINGKANKAN BEBAN: Najib bersama Mohd Ali dan Lai (kanan) menyampaikan bantuan kepada Puspawaty Wahat, 42, di Alor Gajah, semalam.

bagi pilihan raya kecil DUN Machap, Lai Meng Chong.

Bagi memastikan perubahan untuk lebih progresif itu berjaya, Najib berkata, rakyat perlu memilih parti yang boleh membawa perubahan

“Warisan ini mesti dijaga dan dipertahan. Dalam pilihan raya kecil DUN Machap ini, kita nak beritahu dunia bahawa Malaysia terus progresif di bawah BN”

Najib Razak
Timbalan Perdana Menteri

progresif itu.

Beliau kemudian dengan diiringi, Lai melawat dari rumah ke rumah penduduk di Machap Umboo.

Sementara itu, Najib berkata, semua pihak sama ada pertubuhan bukan kerajaan (NGO), orang perseorangan dan masyarakat mesti bersama berganding bahu membantu polis memerangi jenayah.

Katanya, usaha berkenaan mesti disokong semua lapisan masyarakat kerana membanteras jenayah sehingga ke akar-umbi tanggungjawab bersama, bukan polis saja.

"Jika kita anggap ia tugas polis saja, sukar untuk banteras jenayah," katanya selepas majlis sambutan Maulidur Rasul peringkat daerah Alor Gajah dan pelancaran Felda Gugusan Tun Ghafar di Bukit Bulat, di sini, semalam.

Kelmarin, Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu Polis Diraja Malaysia (PDRM) memerangi penjenayah dan pengganas

habis-habisan bagi melenyapkan terus ancaman anasir itu seperti dilakukan pada zaman menentang komunis.

Katanya, kumpulan penjenayah dan pengganas mesti diperangi dengan apa cara sekalipun tanpa kompromi, kerana mereka bukan saja menyusahkan masyarakat, malah boleh menjejaskan kedudukan sosio ekonomi dan politik negara.

Ditanya sama ada tentera akan turut terbabit memerangi jenayah, Najib yang juga Menteri Pertahanan berkata, tentera tidak terbabit secara langsung kecuali ketika darurat.

Pada masa sama, Najib berkata, parti komponen BN tidak pernah membuat arahan kepada mana-mana pihak untuk melanggar undang-undang negara, jauh sekali untuk mencetuskan pergaduhan.

Malah, katanya, BN sentiasa memberi peringatan dan arahan kepada ahlinya supaya sentiasa menghormati undang-undang negara.

RASUL AZLI SAMAD | BERITA HARIAN